

UMS mula serah baucer buku 1Malaysia Galakan untuk baca buku

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 13-01-2012 43

KOTA KINABALU: Pemberian baucer buku 1Malaysia bernilai RM200 kepada mahasiswa yang mendaftar pada sesi Januari 2012 adalah salah satu usaha untuk merencanakan semula budaya membaca terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig Jen Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon berkata ini kerana terdapat rungutan daripada para pensyarah di universiti itu bahawa pelajar mereka agak kurang membaca terutamanya bahan ilmiah.

Sementara itu, pemberian baucer yang mempunyai

nombor siri itu juga membolehkan pihak universiti memastikan bahawa baucer itu benar-benar digunakan untuk membeli buku ilmiah.

“Di UMS, kaunter penyerahan baucer dibuka pada hari ini (kelmarin) dan esok di Pusat Sehenti Jabatan Hal Ehwal Pelajar di Anjung Siswa.

“Bagaimanapun, bagi pelajar yang tidak berkesempatan datang ke Anjung Siswa, mereka masih boleh mendapatkan baucer dengan berurusan terus di kaunter di Jabatan Bendahari sehingga 31 Mei nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Penyerahan Baucer Buku 1Malaysia di Dewan Canselor universiti itu,

kelmarin.

Melalui pemberian baucer 1Malaysia, semua pelajar warganegara Malaysia sepenuh dan separuh masa di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah yang berdaftar sebagai pelajar aktif pada tempoh Januari hingga Mac tahun ini di seluruh institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) layak menerima baucer.

Tambah Kamaruzaman, UMS melalui Koperasi UMS juga dijangka mengadakan Pesta Buku bagi memastikan baucer itu digunakan oleh pelajar dalam tempoh sah laku.

Pesta Buku itu bakal diadakan pada minggu pertama sesi kemasukan pelajar pada semester dua bermula Februari.

Bagaimanapun, pelajar masih boleh membeli di kedai buku di luar UMS.

“Baucer bernilai RM200 ini diberikan dalam empat helaian iaitu baucer RM50 setiap satu dan mempunyai nombor siri bagi membolehkan pemantauan dilakukan termasuk mengelakkan harga buku melebihi nilai yang diperuntukkan.

“Tetapi, mereka boleh menambah sendiri jumlah yang selebihnya jika harga melebihi nilai baucer,” katanya.

Dalam pada itu, Kamaruzaman berkata universiti adalah medium untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

“Kerana itu kita menyeru pelajar tahun pertama dan



KAMARUZAMAN (belakang, dua kanan) dan pegawai-pegawai UMS merakamkan gambar kenangan bersama wakil pelajar bagi tahun pertama hingga tahun akhir yang hadir menerima baucer buku 1Malaysia dalam majlis yang diadakan di universiti itu, kelmarin.

tahun akhir agar mengisi soal selidik Malaysian Soft-Skill Scale (My3S) bagi membolehkan pihak universiti memantau prestasi mereka.

“Ketika ini, sambutan tidak begitu menggalakkan kerana daripada 80 peratus sasaran, kita hanya capai 17 peratus setakat Disember lepas tetapi bagi tahun akhir, kita capai 86 peratus, berbanding sasaran iaitu 80 peratus,” katanya.

RESPONSIF

“Ini merupakan pendekatan yang bagus kerana selain semua pelajar mendapat jumlah yang sama, ia juga lebih selamat kerana diberi dalam bentuk baucer. Mungkin jumlahnya dianggap kecil oleh segelintir pelajar tetapi usaha kerajaan ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap bidang pendidikan. Pemberian dalam bentuk baucer ini membolehkan jumlah itu hanya digunakan untuk membeli buku ilmiah dan bukannya bahan-bahan lain.



NURZEEHANIS ISMAIL,

Pelajar Tahun 2 Program Sains Makanan dan Pemakanan, UMS.



“Kami membelanjakan RM400-RM500 untuk membeli buku setiap semester. Walaupun tidak banyak, jumlah ini tetap membantu kami. Untuk pilihan buku nanti, saya akan tunggu pensyarah memaklumkan buku yang diperlukan pada semester depan.

Kami juga berharap agar bantuan seperti ini dapat diteruskan bagi setiap semester atau tahun jadi bolehlah pinjaman PTPTN digunakan untuk sara diri antara empat hingga lima bulan setiap semester selepas sebahagian darinya digunakan untuk yuran.

S'NG CHEE WAI,

Pelajar Tahun 3 Program Kejuruteraan Perisian, UMS.

“Kami amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana prihatin dengan nasib mahasiswa yang mungkin tidak mampu untuk membeli buku-buku yang diperlukan tetapi agak mahal. Sekurang-kurangnya jumlah ini akan meringankan beban kami. Pemberian dalam bentuk baucer juga dapat pastikan yang jumlah itu digunakan untuk beli buku pelajaran yang mungkin akan disalahguna kalau dalam diberi dalam bentuk tunai.



RAJA NORAZURA RAJA IBRAHIM,

Pelajar Tahun 3 Program Pengurusan Hotel, UMS